

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ**

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9695

SOALAN:

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bagaimana seorang yang didapati bersalah seperti Sirul Azhar boleh terlepas keluar negara; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membawa balik Sirul Azhar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius akan pesalah yang melarikan diri ke luar negara. Kerajaan akan memperketatkan pemantauan dan meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan untuk memastikan pesalah yang telah dijatuhkan hukuman tidak membolos sempadan negara.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan belum memutuskan permintaan ekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar kepada Kerajaan Australia. Permohonan ekstradisi ini perlu dilihat secara menyeluruh dan menyentuh hubungan dua hala dengan pihak Australia.

Hal ini kerana usaha Kerajaan membawa pulang Sirul untuk menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia. Mengikut perjanjian ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu dinyatakan hukuman yang akan dikenakan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas penjenayah. Walau bagaimanapun, Australia adalah salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati. Berbeza dengan kebiasaan kes-kes ekstradisi di mana penjenayah buruan kebiasaannya belum dijatuhkan hukuman. Penjenayah buruan diekstradisi untuk menjalani proses keadilan di mahkamah di Malaysia.

Sekiranya Kerajaan berhasrat mengemukakan permohonan ekstradisi dengan negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati, Kerajaan masih lagi mempunyai ruang untuk berunding dengan mengemukakan hukuman selain hukuman mati. Bagi kes Sirul Azhar, Kerajaan tidak mempunyai ruang untuk berunding dengan Kerajaan Australia kerana Mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Sirul Azhar.

Atas dasar itu, kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.